



KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SIARAN AKHBAR

**Para peniaga diseru untuk menyertai Brunei *Salebration* (BSb) 2025
8 Disember 2025 - 18 Januari 2026**

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi mempelawa semua peniaga dari pelbagai sektor untuk menyertai Brunei *Salebration* (BSb) 2025, iaitu acara jualan murah kebangsaan yang akan berlangsung selama **42 hari mulai dari 8 Disember 2025 hingga 18 Januari 2026**.
2. Brunei *Salebration* (BSb) dianjurkan setiap tahun bagi menggalakkan orang ramai untuk menyokong perniagaan tempatan dengan berbelanja di dalam negara, terutama semasa musim cuti persekolahan dan musim permulaan penggal persekolahan tahun 2026. Setiap dolar yang dibelanjakan di dalam negara akan membantu memperkukuhkan ekonomi tempatan, menyokong peluang pekerjaan dan mewujudkan pelbagai manfaat sampingan kepada para peniaga, termasuk kedai runcit, industri makanan dan minuman serta perkhidmatan.
3. Melalui acara BSb 2025, perniagaan tempatan diberikan platform untuk mempromosi produk dan perkhidmatan masing-masing, memberi tawaran menarik serta mewujudkan pengalaman membeli-belah untuk merangsang aktiviti perbelanjaan di dalam negara. Inisiatif ini turut menyokong industri pelancongan tempatan yang mana membolehkan ejen pelancongan, hotel dan penyedia perkhidmatan menawarkan pakej khas untuk penginapan dan kunjungan para pelancong.
4. JPES menggalakkan semua peniaga termasuk kedai runcit, pasar raya, restoran, ejen pelancongan dan lain-lain untuk memanfaatkan sepenuhnya acara jualan murah kebangsaan ini bagi meningkatkan dan mempromosi tawaran jualan, menarik pelanggan dan menyumbang kepada ekonomi domestik yang lebih rancak.
5. Pendaftaran bagi menyertai Brunei *Salebration* (BSb) 2025 dibukakan **mulai hari ini hingga 4 Disember 2025**. Para peniaga yang berminat untuk menyertai boleh menghadapkan **Borang Makluman Jualan** yang lengkap diisi melalui e-mel di **sales@jpes.gov.bn**. Borang Makluman Jualan boleh dimuat turun dari **laman sesawang JPES** iaitu **<https://deps.mofe.gov.bn/SitePages/Brunei%20Salebration.aspx>**.

6. JPES mengingatkan para peniaga yang akan menyertai Brunei *Salebration* (BSb) 2025 untuk memastikan aktiviti jualan dijalankan dengan **beretika dan telus**, dengan mematuhi:

- Peraturan-Peraturan Acara Harga Jualan Murah
- Perintah Paparan Tanda Harga
- Akta Perlindungan Pengguna (Perdagangan Wajar), Penggal 261

Tanda harga, kadar diskaun dan sebarang terma dan syarat hendaklah dipamerkan dengan jelas dan tepat, bagi membolehkan pengguna membuat pilihan pembelian yang bijak dan bermaklumat.

7. Bagi sebarang pertanyaan mengenai Brunei *Salebration* (BSb) 2025, orang ramai dan para peniaga boleh menghubungi JPES melalui e-mel di **sales@jpes.gov.bn**.

####

Disediakan oleh:

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

Kementerian Kewangan dan Ekonomi

E-mel: dca@jpes.gov.bn

Rujukan : (220)JPES/CAD/AHJM/Pt.2

Tarikh : 4 Jamadilakhir 1447 / 25 November 2025



**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
BRUNEI DARUSSALAM**

PRESS RELEASE

**Call for Business Participation in Brunei *Salebration* (BSb) 2025
8 December 2025 - 18 January 2026**

1. The Department of Economic Planning and Statistics (DEPS), Ministry of Finance and Economy, invites businesses from all sectors to participate in Brunei *Salebration* (BSb) 2025, a national sales event that will run for **42 days from 8 December 2025 to 18 January 2026**.
2. Brunei *Salebration* (BSb) is organised annually to encourage the public to support local businesses by spending locally, especially during the year-end school holidays and in preparation for the new 2026 school term. Every dollar spent in Brunei helps strengthen our local economy, supports local jobs, and creates spin-off benefits for many businesses, from retail, food and beverages (F&B), to services.
3. Through Brunei *Salebration* (BSb) 2025, local businesses are given a platform to promote their products, offer attractive deals, and create engaging shopping experiences that can encourage domestic spending. The initiative also supports local tourism, allowing travel operators, hotels, and service providers to offer special packages for staycation and visiting tourists.
4. DEPS encourages all businesses including retailers, supermarkets, restaurants, service providers, travel agents, and others to make full use of this sales period to boost visibility, attract customers, and contribute to a more vibrant domestic economy.
5. Registration for participation in Brunei *Salebration* (BSb) 2025 is open from **today until 4 December 2025**. Businesses may submit a completed **Sales Notification Form** via email at sales@jpes.gov.bn. The form is available for download on the **DEPS website** at <https://deps.mofe.gov.bn/SitePages/Brunei%20Salebration.aspx>.
6. DEPS reminds all participating businesses to conduct their promotions **fairly and transparently**, and to comply with the:
 - Cheap Sales Price Regulations
 - Price Display Order
 - Consumer Protection (Fair Trading) Act, Chapter 261

Prices, discounts, and terms and conditions must be clearly and accurately displayed to ensure consumers can make informed choices.

7. For further inquiries, businesses and members of the public may contact DEPS at **sales@jpes.gov.bn**.

#####

Prepared by:
Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Email: dca@jpes.gov.bn

Reference : (220)JPES/CAD/AHJM/Pt.2
Date : 4 Jamadilakhir 1447 / 25 November 2025